

21/01/1998

Penasihat antarabangsa MSC kaji aliran global

Hizral Tazzif Hisham

PERTEMUAN kedua Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) bagi Koridor Raya Multimedia (MSC) di Kuala Lumpur pada 12 dan 13 Februari depan dijangka membincangkan beberapa isu kritikal, termasuk masalah kekurangan tenaga kerja dalam bidang teknologi maklumat di seluruh dunia dan kesannya terhadap MSC.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata pertemuan kali ini turut membincangkan aliran global yang sedang berlaku dalam bidang teknologi multimedia, perdagangan elektronik, Internet dan kesan revolusi digital terhadap aktiviti sosial manusia.

IAP bertujuan untuk memberi input antarabangsa kepada kerajaan bagi menentukan hala tuju MSC.

"Perbincangan kali ini juga berkisar kepada proses penilaian semula sasaran MSC dan mendapat maklum balas daripada ahli berhubung pelbagai isu yang timbul," katanya di Cyberjaya, Dengkil, minggu lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar untuk mengumumkan tarikh pertemuan kedua ahli IAP MSC.

Turut hadir ialah Pengarah Perkhidmatan Pelanggan MDC, Dr Mohd Ghazi Ismail.

Pertemuan IAP bulan depan ialah kali kedua diadakan. Pertemuan pertama diadakan pada 16 Januari tahun lalu di Universiti Stanford, California, Amerika Syarikat, dihadiri oleh 29 anggota dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sejak pertemuan pertama, bilangan ahli IAP bertambah 12 orang, menjadikannya 41 anggota kini.

Menurut Dr Othman, ahli panel akan turut menilai perkembangan pelaksanaan prasarana di MSC dan keutamaan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (P&P) untuk menyokong inisiatif berkenaan.

"Pertemuan kali ini akan membuka mata mereka mengenai perkembangan pesat dan pembangunan rancak di MSC dan membuktikan kerajaan begitu komited memastikan kejayaannya walaupun sedang menghadapi masalah ekonomi," katanya.

Seramai 17 ahli IAP sudah mengesahkan kehadiran mereka bagi pertemuan kedua ini.

Antaranya ialah:

- * Pengerusi Acer Inc, Stan Shih.
- * Pengerusi Alcatel, Alsthom, Serge Tchuruk.
- * Pengarah Eksekutif Pusat Komunikasi Global, Universiti Antarabangsa Jepun, Professor Shumpei Kumon.
- * Pengerusi EDS, Lester Alberthal.
- * Presiden Ericsson, Dr Lars Ramqvist.
- * Ketua Eksekutif Motorola Inc, Gary Tooker.
- * Pengerusi Madge Networks NV, Robert Madge.
- * Pengerusi NEC, Dr Tadahiro Sekimoto.
- * Presiden NTT, Jun Ichiro Miyazu.
- * Guru Pengurusan, Dr Kenichi Ohmae.
- * Pengerusi Silicon Graphics World Trade, Bob Bishop.
- * Pengasas Toffler and Associates, Alvin Toffler dan,
- * Presiden Sony Corporation, Nobuyuki Idei.

Dr Othman berkata, pertemuan kali ini amat menggalakkan berdasarkan bilangan ahli yang sudah mengesahkan kehadiran mereka.

Bagaimanapun beberapa ahli lain akan mengesahkan kehadiran mereka dalam masa terdekat.

"Bagi setengahnya tidak dapat hadir kerana kesibukan tugas, terutama apabila laporan tahunan kewangan akan dibentangkan, tetapi mereka menghantar wakil pada pertemuan kali ini atau melakukan perbincangan melalui sidang video," katanya.

Pertemuan kali ini akan dirasmikan Perdana Menteri, diikuti penerangan mengenai perkembangan terkini pelbagai projek yang sedang dilaksanakan dalam MSC.

Tiga syarikat IT yang sudah mendapat status syarikat MSC akan menerangkan kepada ahli IAP P&P untuk membangunkan produk yang sedang dilakukan bagi memberi mereka pengalaman sebenar teknologi multimedia.

Menurutnya, walaupun negara sedang dilanda masalah ekonomi namun projek MSC tidak terjejas kerana semakin ramai yang tampil untuk melabur, menyebabkan pembangunan prasarana perlu disegerakan.

(END)